



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

11 MEI 2021 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

11 MEI 2021 (SELASA)

Jualan 120,000 barang KBBM di Shopee cecah RM100 juta

PUTRAJAYA – Sebanyak RM100 juta nilai jualan dijana menerusi pemasaran kira-kira 120,000 bahan buatan tempatan yang disenaraikan dalam laman mikro Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) di platform e-dagang Shopee bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember tahun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, jumlah jualan dalam tempoh enam bulan itu dan telah memanfaatkan seramai 7,700 penjual tempatan.

"Kerjasama KPDNHEP dan Shopee melalui platform e-dagang telah banyak membantu usahawan-usahawan tempatan dalam mengetengahkan serta menjual produk berdasarkan perkhidmatan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam memastikan ekonomi domestik tidak ketinggalan."

"Kolaborasi dalam menjayakan KBBM telah membuka ruang dan kejayaan besar ter-



ALEXANDER

hadap usahawan dan produk serta perkhidmatan tempatan," katanya ketika berucap selepas menyaksikan majlis penyerahan e-voucher daripada Shopee Malaysia kepada KPDNHEP di sini semalam.

Pada program itu, sebanyak 2,000 unit baucar, bernilai RM50 setiap satu telah diserahkan oleh Shopee Malaysia melalui Program Food Bank Malaysia (PFBM) dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM100,000.

Baucar itu akan membantu golongan yang memerlukan sempena sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai tahun ini.

Sementara itu, Alexander berkata, kementerian mengalaukan penyertaan pemain-pemain industri seperti Shopee Malaysia dalam program berbentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebagai penzahiran rasa terima kasih dan keperihatinan syarikat terhadap usaha kerajaan dalam membantu dan meringankan kos sara hidup rakyat.

"Harapan dan hasrat kerajaan adalah untuk membantu golongan yang tidak berkemampuan dalam pelbagai bentuk bukan sahaja bantuan makanan tetapi pelbagai kaedah," katanya.

HARI : SELASA
TARIKH : 11/5/2021
M/SURAT : 20

Pengguna boleh buat aduan di Ez ADU

Putrajaya: Pengguna yang tidak berpuas hati dengan urus niaga dijalankan boleh mengemukakan aduan melalui aplikasi Ez ADU yang dibangunkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Pengguna hanya perlu mempunyai telefon pintar dan memuat turun aplikasi Ez ADU daripada Play Store secara percuma untuk memfailkan aduan serta memuat naik gambar atau dokumen seperti resit pembelian dan barang yang dibeli untuk menyokong aduan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Datuk Rosol Wahid berkata, tempoh yang diambil bagi menyiasat sesuatu aduan itu tertakluk kepada tahap kompleksiti aduan itu dan maklum balas mengenai hasil siasatan akan dimaklumkan kepada pengadu dalam tempoh 21 hari bekerja.

Menurutnya, aplikasi Ez ADU itu sudah dimuat turun kira-kira 50,000 kali dengan 22,589 pengguna aktif sejak diperkenalkan pada 2015.

"Sejumlah 25,770 aduan difaiklan pengguna melalui Ez Adu sejak 2015 hingga 24 April lalu, dengan purata penyelesaian kes ialah 97.19 peratus," katanya.

HARI : SELASA
TARIKH : 11/5/2021
M/SURAT : 1

Johor

Domestic Trade and
Consumer Affairs
Ministry says supply of
essential items sufficient
in the state as Raya
approaches >4

JOHOR

Ministry: Enough supply of essential items for Raya

By ZAZALI MUSA
metro@thestar.com.my

CONSUMERS are advised to lodge complaints if markets and stores say they have run out of essential items during this festive season.

This is because supply is adequate for Hari Raya Aidilfitri and these items should be replenished constantly, says the Johor Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Its director Hairul Anuar Bohro said officers have carried out price monitoring inspections at some 200 business premises throughout the state.

Around 200 enforcement officers were involved in inspections at wet markets, public markets, hypermarkets, supermarkets and farmers' markets.

"Consumers in Johor should not be worried as there is enough supply of essential items for the festive season," said Hairul.

He said 32 essential items were listed under the Hari Raya 2021 Festive Season Maximum Price Control Scheme.

The items include chicken eggs, live chicken, standard chicken (cleaned with head, feet and offal) and super chicken (cleaned without head, feet and offal), ikan kembung, ikan mambung, ikan selar and ikan tongkol, tomatoes, red chillies, imported round cabbage from China and Indonesia – excluding Beijing cabbage, long beans, green choy sum, long brinjal, cucumber, old ginger, coconut (wholesale), grated coconut (retail), imported red onion (China), onion (Holland), garlic (China), dried chillies, imported

Lodge complaints if prices go against price control scheme, consumers advised



Poultry seller Azhairi Yusof manning his stall at the temporary Perling public market in Taman Perling, Johor Baru.

potatoes (China) and groundnuts.

A ceiling price has been fixed for local beef in the peninsula and Sabah.

The price of imported buffalo meat has also been fixed, except for Sarawak.

Hairul said for the first time, a 30-day enforcement period was in place for price-controlled items, compared to 14 days during the festive season in previous years.

He said enforcement of price control on the essential items was for

22 days before Hari Raya and seven days after the celebration.

The scheme is in force from April 21 to May 20.

"We have enough chicken in Johor for Hari Raya although there were issues of high poultry prices during the first week of Ramadan," he said.

Hairul added that poultry sellers should lodge complaints with the ministry if wholesalers charged higher than the ceiling price during the implementation of the scheme.

Those found selling controlled items at a higher price would be served a notice under Section 21 of the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011, he warned.

"We advise traders and companies to adhere to the price control scheme," he added.

Consumers can complain through e-aduan@kpdnhep.gov.my or call 1800-886-800 (hotline), 03-8882 6245/6088 (Enforcement Command Centre), 019-2794317 (WhatsApp) or via the Ez Adu app.

Peniaga merungut ekoran untung jualan mereka hanya RM2 sekilogram

Harga bekalan daging lembu mahal

Oleh TENGKU DANISH BAHRI
TENGKU YUSOFF ROSLIZA
MOHAMED ISWAN SHAFIQ ISA
dan SITI NUR MAS ERAH AMRAN

KUALA TERENGGANU – Walaupun sekadar memperolehi keuntungan serendah RM2, peniaga di Pasar Chabang Tiga di sini akur dengan Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan (SHMMP) Aidilfitri yang telah menetapkan harga siling daging lembu pada RM34 sekilogram.

Tinjauan Kosmo! di pasar tersebut mendapati rata-rata peniaga menjual daging lembu pada harga antara RM32 hingga RM34 sekilogram.

Seorang peniaga, Abdullah Omar, 41, berkata, dia mendapatkan bekalan daging lembu segar daripada pemborong pada harga RM30 sekilogram.

"Walaupun margin keuntungan tidak begitu besar seperti dahulu, saya bersyukur masih memperolehi keuntungan dari pada jualan daging lembu."

"Apatah lagi, jualan daging lembu meningkat pada hujung minggu lalu apabila saya boleh menjual dua ekor lembu sehari," katanya ketika ditemui di Pasar Chabang Tiga di sini semalam.

Seorang lagi peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Azman, 36, pula risau momentum penjualan daging lembu terenjak ekoran larangan rentas daerah yang berkuat kuasa kelmarin.

"Dengan arahan rentas daerah dan negeri yang tidak dibenarkan mungkin boleh menyebabkan permintaan daging lembu merosot kerana tidak banyak lagi jualah yang perlu disediakan," katanya.

Di **Kelantan**, harga daging lembu tempatan di kebanyakan tempat di sini juga masih dijual pada harga antara RM32 hingga RM34 sekilogram.

Tinjauan di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu mendapati, rata-rata peniaga masih menjual daging lembu tempatan pada harga tersebut, manakala tulang lembu pula RM27 sekilogram.

Seorang peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Lan, 32, berkata, dia menjual daging mengikut harga kawalan yang ditetapkan.

"Saya dan peniaga lain masih menjual daging lembu tempatan pada harga seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)."

"Memang untung kami hanya RM2 sekilogram, saya mengambil bekalan daging tempatan itu pada harga RM30 sekilogram dan dijual antara RM32 hingga RM34 sekilogram," katanya.

Menurutnya, peniaga di Pasar Siti Khadijah tidak berani meletakkan harga barangan sesuka hati kerana pihak KPDNHEP sentiasa membuat pemantauan.

Di **Pulau Pinang**, keimbangan yang dihadapi oleh peniaga daging di negeri ini adalah berkenaan dengan stok bahan mentah itu yang semakin sukar untuk diperolehi.

Seorang peniaga daging, Mohd. Farid Ismail, 40, berkata, masalah utama yang dihadapi mereka ketika ini bukan dari segi penetapan harga, sebaliknya melibatkan stok atau bekalan daging berkenaan di pasaran.

"Permintaan terhadap daging tinggi, tapi stok masih kurang. Sebenarnya saya berdepan dengan masalah ini sejak permulaan puasa lagi dan sudah menjangkakan bahawa masalah ini akan timbul juga sebelum hari raya," katanya.

Sementara itu, harga daging lembu tempatan yang dijual di beberapa pasar di Pulau Pinang masih lagi kekal dengan harga



SEORANG penjual daging, Mohamad Nor sedang memotong daging lembu jualannya di Alor Setar semalam.

yang ditetapkan pihak kerajaan. Seorang peniaga di Pasar Awam Seberang Jaya di sini yang hanya ingin dikenali sebagai Husin berkata, sepatutnya harga perlu dinaikkan sedikit, bukan untuk 'menekan' pelanggan, sebaliknya untuk menampung modal yang sudah dikeluarkan peniaga.

"Kami tidak mempunyai pilihan dan perlu akur dengan arahan kerajaan, namun berharap agar harga dinaikkan sedikit kerana harga yang dikenakan oleh pembekal juga meningkat."

"Kami harap harga siling dapat dinaikkan sedikit kepada RM40," katanya.



HARGA daging lembu tempatan masih dijual pada harga RM32 hingga RM34 sekilogram di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu.

HARI : SELASA
TARIKH : 11/5/2021
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM5.99	Telur Gred A RM10	Gula Pasir RM1.99	Cili Merah RM5.50
	Daging Lembu Tempatan RM34	Ikan Kembung RM8.90	Bawang Besar Holland RM3.19	Kubis Bulat Tempatan RM1.95
	Daging Lembu Import RM24	Minyak Masak RM5.90	Bawang Putih RM4.89	Tepung Gandum RM2.09

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP